BERITA HARIAN, KHAMIS, 26 OGOS, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM ARAHKAN BANK2 HENTI BAYARAN 'BAWAH KAUNTER'

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini mengarahkan supaya kelewatan dalam melulus dan memproses pinjaman bank dan institusi kewangan diberhentikan.

Penyelewengan, seperti menerima pembayaran 'bawah kaunter' haruslah juga diberhentikan, tegas beliau.

Beliau membidas segolongan masyarakat dalam sektor kewangan yang menyebabkan pindaan besar ke atas Akta Bank 1973, perlu diadakan.

Katanya, pindaan itu menjadi perlu disebabkan amalan rasuah.

Perdana Menteri berkata, wujudnya golongan seperti itu di dalam mana-mana masyarakat akan merosakkan masyarakat keseluruhannya.

Beliau menegaskan, golongan tersebut tidak akan dapat memainkan peranan sebagai agen perubahan dan amanah melainkan amalan yang tidak sihat seperti rasuah dihapuskan.

Berkesan

Datuk Seri Dr. Mahathir berucap demikian di majlis makan malam tahunan bersama Persatuan Bank-bank dan Institusi Kewangan Malaysia di sini.

Perdana Menteri seterusnya berkata: "Kami dalam kerajaan berulang kali menggesa perkhidmatan awam supaya bersih, cekap dan amanah. Dalam hubungan ini anda adalah sebahagian dari perkhidmatan tersebut."

Perdana Menteri berkata, harapan rakyat adalah tinggi. Rakyat mempunyai hak mengharapkan prestasi dan tanggungjawab yang tinggi dari badan-badan kewangan.

"Kita tidak harus menghampakan mereka untuk membolehkan mereka memberi keyakinan kepada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan, institusi kewangan hendaklah menjalankan tanggungjawab mereka menyalurkan wang dengan cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kemampuan produktiviti dan kegiatan ekonomi di Malaysia.

"Membiayai kegiatan di luar Malaysia, kita masih belum mampu," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan, dengan semangat yang sama sebagaimana sektor awam mengkaji kos faedah setiap sen perbelanjaannya, sektor swasta haruslah mempunyai sifat yang sama supaya dapat meningkatkan kelicinan dan produktiviti untuk bersaing dengan persaingan antarabangsa.

Beliau berkata, semua ini memerlukan disiplin, pandangan jauh dan perancangan.

Beliau berkata, badan-badan kewangan haruslah mengamalkan pengamatan yang menguntungkan bagi membantu mengurangkan pembaziran sebaliknya meningkatkan kecekapan dalam bentuk kos dan pengeluaran.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, badan-badan kewangan haruslah membalas jasa peniaga-peniaga kecil, petani, peladang serta pengusaha-pengusaha yang telah memberikan keyakinan dan menyimpan di tempat mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, badan-badan kewangan haruslah membantu dalam keadaan ekonomi yang menempuh cabaran sekarang.

Perdana Menteri memberi alasan, perkara tersebut harus dilakukan kerana badan-badan tersebut bertanggungjawab menggerakkan wang orang awam dengan cara yang paling baik. Ini perlu memandangkan badan-badan kewangan antarabangsa terjejas dengan bilangan pinjaman yang besar.

Katanya, sebagai langkah mengekalkan keyakinan rakyat dan keutuhan profesional badan-badan tersebut haruslah mengamalkan cara yang bijaksana dan pengamatan yang menguntungkan.

Potong kek di Hari Wanita

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Ali (kanan), memotong kek sempena menyambut perayaan Hari Wanita Ke-20 di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur, petang semalam.

Turut memerhatikan mereka berdua ialah Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Tan Sri Dr. Fatimah Hashim (kiri).

No. Siri 667
No